

**BERITA ONLINE
BERITA HARIAN
TARIKH : 26 OKTOBER 2021 (SELASA)**



Malaysia, Indonesia perlu perkukuh kerjasama

Oleh [Muhammad Yusri Muzamir](#) - Oktober 26, 2021 @ 1:06pm
yusri.muzamir@bh.com.my



KUALA LUMPUR: Malaysia dan Indonesia perlu menggembelng tenaga sebagai rakan serumpun menerusi gagasan ASEAN dalam mendepani dan menangani ketidaktentuan global ketika ini.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Ahmad Amzad Hashim, berkata ASEAN adalah kesatuan ekonomi bermatlamat memupuk daya saing dan integrasi ekonomi kukuh bagi perdagangan serta pelaburan dalam kalangan negara anggota.

Dalam situasi mencabar ini, katanya, Malaysia dan Indonesia perlu meningkat dan memperkukuh kerjasama berdasarkan semangat ASEAN merentasi semua bidang termasuk penyelidikan.

"Perkongsian kemakmuran secara kolektif dan inklusif hanya dapat direalisasikan apabila segala ketidaktentuan kesan COVID-19 ditangani secara berkesan.

"Memang sukar untuk memastikan ekonomi Malaysia-Indonesia kembali berada di landasan betul tetapi tidak mustahil jika kedua-dua negara menyetepikan segala perbezaan pendapat dan mencari titik persamaan atas semangat ASEAN," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Persidangan Antarabangsa Ekonomi Pengurusan dan Perakaunan Malaysia-Indonesia (MIICEMA) Ke-21 secara maya, hari ini.

Persidangan bertemakan 'Integrasi ASEAN ke arah Perkongsian Kemakmuran dalam Ketidaktentuan Global' itu turut dihadiri Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Tan Sri Abdul Wahid Omar.

Ahmad Amzad berkata, tiga aspek penting perlu diberi fokus dalam merealisasikan matlamat integrasi ASEAN demi perkongsian kemakmuran bersama khususnya antara Malaysia dan Indonesia.

Katanya, kedua-dua negara perlu memperkukuhkan paradigma kolaborasi, selain pulih bersama dan menetapkan visi untuk kerjasama masa depan.

"Bagi menambah momentum integrasi ini, kita mesti menghubungkan kembali ekonomi dan perniagaan menggunakan semua sumber yang dimiliki daripada perjanjian perdagangan bebas ke koridor perniagaan penting.

"Malaysia-Indonesia perlu mendorong wakil perniagaan daripada kedua-dua negara untuk meneroka potensi bagi memperkukuh pembabitan ekonomi antara Malaysia, Indonesia dan negara ASEAN lain.

"Kedua-dua negara mesti selalu memilih kerjasama daripada persaingan, dialog berbanding persaingan, kerjasama saling menguntungkan berbanding 'zero sum game' yang mana satu pihak menang atas kekalahan pihak lain," katanya.

Beliau berkata, teknologi dan pendigitalan kerajaan menjadi agenda nasional ketika ini dan keutamaan dalam mendepani ketidakpastian global.

"Penularan wabak menyaksikan teknologi menjadi senjata utama bagi mendepani COVID-19 menerusi inovasi vaksin.

"Teknologi juga menjadi sebahagian dalam norma baharu kehidupan merentasi semua aspek baik pekerjaan, pendidikan mahu pun komunikasi sosial bersama ahli keluarga, sahabat, jiran dan rakan sekerja.

"Pendigitalan penyampaian perkhidmatan kerajaan dan aktiviti ekonomi lain secara dalam talian adalah norma baharu masa kini dan akan datang," katanya.